

20 SEP 2002

Belanjawan-reaksi (Abdullah)

BELANJAWAN FANTASTIK UNTUK SEMUA, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan Belanjawan 2003 sebagai "fantastik" yang memberi faedah kepada semua rakyat kerana ia tidak mengenakan sebarang cukai baru.

"Semua mendapat manfaat...tiada cukai," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Belanjawan 2003 hari ini, telah membuat beberapa cadangan yang akan mengurangkan hasil kerajaan, dengan tidak menyentuh langsung mengenai kenaikan sebarang cukai.

Abdullah berkata, sistem pungutan cukai yang diamalkan oleh Jabatan Kastam Diraja dan Lembaga Hasil Dalam Negeri ketika ini terbukti berkesan setelah dikaji semula beberapa tahun lepas.

Katanya, cukai masih perlu dikutip bagi menyumbang kepada pendapatan negara.

"Bagaimanapun tidak semestinya bila kita perlukan duit kita kutip cukai, bila tak perlukan, kita tidak kutip cukai," katanya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Azmi Khalid berkata Belanjawan 2003 adalah satu belanjawan yang menyeluruh bagi semua sektor termasuk sektor ekonomi luar bandar.

Katanya belanjawan kali ini memperuntukkan jumlah yang besar iaitu RM2.56 bilion bagi memantapkan agenda pembangunan luar bandar dan menggalakkan industri luar bandar untuk memantapkan ekonomi negara.

"Pembangunan ekonomi sektor luar bandar akan dapat mengurangkan pergantungan dengan hasil eksport yang tidak menentu kepada keadaan pasaran," katanya.

Azmi berkata sektor luar bandar boleh mengeluarkan bahan mentah untuk diproses dan dijadikan satu produk yang boleh menghasilkan pendapatan jika ia dibuat secara besar-besaran.

Presiden MIC dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu berkata Belanjawan 2003 bersifat mesra rakyat itu kerana ia memberi keutamaan kepada golongan miskin yang tinggal di kawasan luar bandar.

"Setiap cadangan telah dibuat oleh kerajaan untuk menjaga kepentingan dan masa depan rakyat," katanya.

Beliau berkata belanjawan itu juga akan meningkatkan pelaburan domestik dan membawa kecekapan dalam kerajaan dan menjaga kepentingan orang ramai.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata galakan yang diberikan bagi penanaman dan penyelenggaraan kayu getah akan memberi galakan kepada syarikat yang terlibat dalam sektor perladangan untuk menanam 10 peratus tanah mereka dengan komoditi itu.

Katanya belanjawan kali ini memberi perhatian kepada rakyat golongan berpendapatan rendah, selain terus memberi tumpuan kepada agenda pendidikan di semua peringkat.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussien berkata peruntukan RM227.5 juta untuk kementerian itu adalah bagi meningkatkan sukan lasak dan bermotor, bot laju serta perahu layar, yang merupakan satu langkah untuk mengembalikan semula kegemilangan sukan negara.

"Kami berbangga kerana bukan mudah untuk memastikan atlet kita cemerlang di peringkat antarabangsa tetapi kita merasakan atlit dan belia kita telah diiktiraf dengan peruntukan ini," katanya.

Sebanyak RM12.3 juta adalah bagi mempertingkatkan Program Pembangunan

Rakan Muda dan RM500,000 untuk pembangunan usahawan serta sebanyak RM50,000 bagi tabung belia, katanya.

-- BERNAMA

ZMN SNS HS MAI